

PM kecam golongan 'pencinta alam' racuni fikiran rakyat

UM 22 AUG 1985

BATANG AI (Sarawak) 21 Ogos — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, yang mengecam adanya golongan yang mengakui sebagai 'pencinta alam' telah meracuni fikiran rakyat supaya tidak menyokong projek hidro elektrik di sini.

Berucap merasmikan janakuasa elektrik Batang Ai kira-kira 274km dari Kuching, beliau kesal golongan tersebut merupakan golongan rakyat yang telah maju dan bermewah dengan peluang pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, setelah mendapat nikmat daripada pengorbanan dan dasar kerajaan mereka menggunakan masa yang ada untuk cuba menyekat pihak lain, khususnya penduduk

tempatan supaya tidak menyokong projek yang diadakan di tempat mereka.

"Kita bukannya negara yang kaya, kita perlu kuasa elektrik untuk mengkayakan negara kita sendiri," katanya.

Golongan tersebut tambahannya, menganggap negara kita telah kaya dan dengan itu boleh berehat-rehat untuk melihat alam yang indah seperti orang kaya.

Perdana Menteri berkata, tidak perlu bagi rakyat menyanjung alam yang indah sedangkan perut lapar dan rumah tidak ada keselesaan seperti tidak wujudnya kebersihan.

Projek janakuasa elektrik ini, katanya, adalah untuk memajukan negara supaya kemudahan asas dapat disediakan untuk dinikmati oleh rakyat.

Beliau menambah, kerajaan memang berniat untuk mengadakan lebih banyak projek hidro elektrik dan beliau berpendapat sungai-sungai yang ada di negeri ini dapat menghasilkan 80,000 megawatt kuasa elektrik.

Kerajaan, katanya, tidak berniat kepada kuasa nuklear kerana negara memiliki kuasa hidro yang besar terutamanya di Sarawak.

"Kita tidak boleh bergantung kepada penajaan bahan api kerana ia mahal," katanya.

Hidro adalah untuk kepentingan rakyat dan bukan kepentingan kerajaan dan orang yang menentang adalah tidak bertanggungjawab yang ingin menganiaya kesenangan rakyat dan bukannya kerajaan yang menganiaya rakyat dengan projek-projek itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata walaupun projek hidro elektrik yang terbesar ini (berharga \$600 juta) berada di Batang Ai, pen-

janfaannya adalah untuk disalurkan ke tempat-tempat lain dan untuk faedah semua rakyat.

Begitu juga halnya dengan minyak yang terdapat di Pantai Sabah, Sarawak dan Terengganu tetapi hasilnya bukan dianggap untuk orang tempatan. Kalau diabaikan agihan kekayaan di dalam negara ini untuk kegunaan tempatan maka negara tidak akan bergerak maju.

Perdana Menteri menyeru penduduk yang berdekatan dengan sungai dan projek hidro elektrik yang dimajukan haruslah berkorban sedikit kerana pengorbanan itu telahpun diberi pampasan oleh kerajaan.

"Mereka sebenarnya tidak mengalami kerugian malahan, menerima keuntungan kerana pembangunan yang diadakan di tempat mereka dapat memberikan mereka peluang pekerjaan," katanya.

Perdana Menteri menambah, kalau tidak ada pembangunan bukan sahaja kita tidak dapat pampasan malah tidak akan maju dan terus mundur dengan cara hidup miskin serta tidak ada mata pencarian yang lain.

Mengenai golongan 'pencinta alam' Perdana Menteri menyifatkan sebagai golongan "orang-orang yang tersalah bimbing" yang kononnya berjuang untuk rakyat tetapi sebenarnya menimbulkan masalah untuk menyekat usaha pembangunan dalam negara.